

# Ciri-Ciri *Prompt* Yang Baik

Bertindak sebagai seorang tutor yang membantu meringkaskan subjek kompleks kepada penjelasan yang lebih mudah. Saya ingin anda terangkan proses fotosintesis kepada pelajar berumur 14 tahun, dalam membantu persediaan peperiksaan biologinya. Jawapan anda hendaklah dalam 300 patah perkataan, ditulis dalam nada yang mesra dan mendidik.

**Persona:** Minta AI memegang peranan

**Objektif:** Apakah yang anda mahu AI lakukan

**Khalayak:** Tentukan untuk siapa

**Konteks:** Apa yang perlu dilakukannya

**Sempadan:** Tetapkan hala tuju & hadnya

*Tip 1*

## Beri Arahan Yang Jelas

Gunakan arahan yang memberitahu aplikasi AI tentang perkara yang ingin anda hasilkan, seperti 'terangkan', 'terjemah', 'ringkaskan' atau 'bandingkan'.

*Tip 2*

## Sediakan konteks

Menambah konteks dan maklumat latar belakang boleh membantu aplikasi untuk memahami tugas dengan lebih baik. Sebagai contoh, sebutkan jenis projek seperti 'cerpen', 'laporan' atau 'kerangka'.

*Tip 3*

## Ulang & Eksperimen

Cuba arahan dan teknik yang berbeza jika anda tidak mendapat hasil yang diinginkan. *Prompt* boleh menjadi seperti eksperimen yang memerlukan beberapa pusingan percubaan!